LAMPIRAN 3.2.1 (a)

## FAṢAL-FAṢAL YANG BERUNSURKAN UNDANG-UNDANG ISLĀM DALAM UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA DAN ḤUKUM QĀNŪN MELAKA

*Undang-undang Laut Melaka:*

| | |
|---|---|
| Fasal 2 | : Ḥukuman bunuh dan rotan ke atas orang *muḥsān* dan *ghāyr muḥsān* yang berzina. |

*Ḥukum Qānūn Melaka:*

| | |
|---|---|
| Fasal 5:1,3 | : Ḥukuman *qiṣāṣ*, bunuh dibalas bunuh. |
| Fasal 7:2 | : Ḥukuman potong tangan pada kesalahan mencuri. |
| Fasal 8:2,3 | : Ḥukuman *qiṣāṣ*, bunuh dibalas bunuh. |
| Fasal 11:1 | : (a) Ḥukuman potong tangan pada kesalahan mencuri. (b) Ḥukuman *ta'dhīr*, mengikut budi bicara ḥākim pada kesalahan mencuri beramai-ramai. |
| Fasal 12:2 | : Ḥukuman rejam sampai mati ke atas lelaki dan wanita *muḥṣān* yang berzina. Jika penzina adalah *ghāyr muḥṣān* disebat sebanyak 80 kali. |
| Fasal 12:3 | : Ḥukuman rotan sebanyak 80 kali pada orang yang menuduh orang lain berzina tanpa saksi. |
| Fasal 14:1 | : Atur cara tuduh-menuduh. Dihendaki bersumpah dengan memegang *mimbār* masjid. |
| Fasal 14:2 | : Ḥukuman *qadhf*, bersumpah dan bertaubat di hadapan ḥākim kerana kesalahan mengambil isteri orang. |
| Fasal 15:7 | : Atur cara pinjam-meminjam harta berdasarkan ḥukum *'iyyān*. |
| Fasal 16:1, 2 | : (a) Ḥukuman memfitnah orang berdasarkan *taqṣīr fuḍūlī*. (b) Ḥukuman bunuh kerana berzina. (c) Syarat-syarat *fuḍūlī*. |
| Fasal 18:4 | : Ḥukuman *qiṣāṣ* pada kesalahan membunuh. |
| Fasal 25:1 | : Ḥukum berwalī. Ḥāl-ḥāl yang berhubung dengan syarat-syarat berwalī *aqrab*, walī *mujbīr*, *qāul azhar*, *safrat al-qasr*. |
| Fasal 25:2 | : Syarat dan atur cara *ījab* dan *qabūl* dengan melafaẓkan kata *"Qabiltu tawwijaha"*. |
| Fasal 26 | : Syarat menjadi saksi yang ṣaḥ dalam atur cara *ījab* dan *qabūl*. |
| Fasal 27 | : Ḥukum *khiyyār* atau hak pembatalan perkahwinan. Syarat yang membolehkan *fasakh*. |

| | |
|---|---|
| Fasal 28:1 | : Ḥukum ṭalāq iaitu ṭalāq *raj'ī* dan ṭalāq *bāin*. Syarat-syarat *ber'iddah*. |
| Fasal 30 | : Ḥukum dan atur cara berniaga. Syarat ṣaḥ berjual beli dan barangan yang ṣaḥ serta ḥaram dipemiagakan. Ḥukum ḥarām mengambil ribā'. |
| Fasal 32:2 | : Ḥukum *ṣaḥ ṣulḥ* atau tuntut-menuntut harta. Syarat-syarat berhubung dengan *ṣulḥ*. Syarat pendakwa dan yang didakwa atau *muḍḍa'i* dengan *muḍḍa'i 'alāīhi*. |
| Fasal 32:3 | : Syarat ṣaḥ menjadi penjamin. |
| Fasal 34·1 | : Ḥukum dan syarat-syarat amanah. |
| Fasal 35 | : Ḥukum *iqrār*. Batasan di antara hak Allāh dan hak manusia. |
| Fasal 36:1 | : Ḥukum orang *murtad*, sama ada dikehendaki bertaubat atau dibunuh. |
| Fasal 37:1 | : (a) Ḥukum menjadi saksi.<br>(b) Syarat ṣaḥ menjadi saksi.<br>(c) Syarat ṣaḥ menjadi saksi pada kesalahan berzina.<br>(d) Syarat ṣaḥ menjadi saksi pada kesalahan *hadd*. Kes-kes berhubung dengan *bikir* dan *thayyib* di kalangan wanita. |
| Fasal 38:1, 2, 3 | : Atur cara dakwa-mendakwa dan sumpah-bersumpah di dalam masjid, di hadapan sidang juma'ah dan di atas *mimbār*. |
| Fasal 38:4 | : Atur cara tuntut-menuntut di hadapan ḥākim. Syarat-syarat ḥākim menjatuhkan ḥukuman. |
| Fasal 39 | : (a) Ḥukum qiṣāṣ pada kesalahan membunuh.<br>(b) Ḥukum orang Islām membunuh orang bukan Islām.<br>(c) Ḥukum orang bukan Islām (Yahūdī, Naṣrānī, Majūsī) membunuh sesama bukan Islām. |
| Fasal 40:1 | : Ḥukuman rejam dan sebat kerana kesalahan berzina. Ḥukuman mengikut *hadd* ke atas penzina yang *ghāyr muḥsīn*. |
| Fasal 40:2 | : Ḥukuman pada kesalahan *liwāt* (hubungan sejenis) dan hubungan dengan binatang (*bestiality*) digolongkan sebagai berzina. Ḥukuman boleh juga berdasarkan *ta'dhir* ḥākim. |
| Fasal 43:5 | : Ḥukum *qiṣāṣ* bersabit dengan kes rogol. |
| Fasal 5:1 | : Ḥukum *qiṣāṣ* bersabit kes membunuh orang. |
| Fasal 7:2 | : Ḥukum bunuh orang yang mencuri ialah dipotong tangan atau dikenakan separuh harga. |

Faṣal-faṣal yang tersenarai menjelaskan undang-undang Melayu yang berunsurkan Islām yang terdapat dalam *Undang-undang Melaka* dan *Ḥukum Qānūn Melaka*.
*Sumber*: Muḥammad Yusof Hashim, 1992: 303-304.

LAMPIRAN 3.2.1 (b)

## FAṢAL-FAṢAL YANG BERUNSURKAN UNDANG-UNDANG ISLĀM DALAM ḤUKUM QĀNŪN BRUNEI

Fasal 1 : Hamba raja disyaratkan benar dalam semua perkara, menurut titah raja yang 'ādil dan mengharap keampunan daripada tuannya. Raja mestilah seorang yang pengampun, pemurah dan menjatuhkan ḥukuman dengan kuasanya secara 'ādil.

Fasal 4 : Ḥukum bunuh-membunuh, menikam orang, atau memukul orang, atau merampas, atau mencuri harta orang, atau menuduh, atau mendustakan ḥukum, atau menjual titah atau menyangkal titah dianggap bersalah.

Fasal 5 : Jika seseorang itu melakukan pembunuhan ke atas seseorang yang tidak berdosa tanpa pengetahuan raja atau orang besar, ḥukumnya didenda 10 tahil *sapah* kerana dianggap bersalah tidak memberitahu raja atau ḥākim.

Jika tertangkap, didapati dia melawan dengan mengaku tidak bersalah, dia diharuskan dibunuh sekalipun tanpa pengetahuan raja atau ḥākim dan ini dianggap tiada salah bagi orang yang membunuh itu. Jika tertangkap, terpulanglah sama ada membunuhnya atau mengenakan denda sebanyak 20 *sapah* sebagai *ta'dhīr* kerana melakukan kesalahan tanpa pengetahuan menteri.

Ḥukum membunuh seperti itu dilarang oleh al-Qur'ān. Al-Qur'ān menggalakkan melakukan perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang ditegahNya.

Fasal 6 : Menteri hendaklah membaḥaskan salah dan juga benar rakyat, mengetahui sesuatu ḥukuman, mengetahui mengambil upah, memperkatakan ḥāl kedua pihak, dan menjatuhkan ḥukuman dengan perangai yang keras.

Ḥākim tidak dapat mengampuni kesalahan dosa membunuh orang, mengambil isteri orang, orang bermaharajalela. Kuasa mengampunkan kesalahan tersebut terletak di tangan raja.

Fasal 7 : Jika seorang pencuri dapat ditangkap, hendaklah dibunuh atau dikenakan denda harga setengah menteri atau tuannya kerana *ta'dhīr* tanpa pengetahuan menteri.

Ḥukum Allāh Ta'ālā bukan ḥukuman bunuh bagi mereka yang mencuri, hanya dipotong tangannya sahaja.

Fasal 8 : Jika 'abdi ditampar oleh seorang yang merdeka, kemudian menikam 'abdi itu kepadanya, tidak dikenakan apa-apa. Tetapi ḥukum Allāh, membunuh dibalas bunuh adalah 'ādil.

Jika abadi sesama 'abdi menampar, dikenakan setengah harga denda, tidak kira sama ada lelaki atau pun perempuan. Ḥukum Allāh Ta'ālā, menampar dibalas dengan menampar juga.

Ḥukum menampar orang dan orang yang kena tampar, dan jikalau ditikam oleh yang kena tampar itu mati orang yang menampar, tiada apa-apa dikenakan. Jika yang menampar itu tidak diḥukum dalam masa 3 hari, maka dijatuhkan ḥukuman bunuh. Ḥukum Allāh, bunuh mesti dibayar dengan bunuh.

Fasal 11 : Jikalau kecurian berlaku di dalam rumah, pencuri ramai bilangannya, tetapi yang mencuri itu seorang sahaja, dan yang lain tidak naik ke rumah, maka ḥukumnya pencuri yang naik ke rumah itu dipotong, dan yang tidak naik dikenakan *ta'dhīr*.

*Ta'dhīr* itu ialah naik kubu (kerbau) diletak dengan bunga raya, berpayung tudung saji, maka dicoreng mukanya dengan kapur dan dibawa ke sekeliling negeri. Mereka diḥukum supaya mengembalikan barang yang telah dicuri, jikalau tiada, mereka hendaklah menggantikan dengan barang-barang yang sama nilainya.

Ḥukum Allāh Ta'ālā, jikalau mencuri kerbau, lembu dan kambing di dalam kandang, maka dibayar harganya saja dan tidaklah didenda lagi.

Fasal 12 : Ḥukum Allāh Ta'ālā merejam seorang *muḥṣīn* yang berzina. Orang yang menuduh zina dikenakan ḥukum qānūn sepuluh tahil. Jikalau yang dituduh itu abdi, didenda 2 tahil *sapah*, atau setengah harganya. Begitu juga dengan anak hamba yang berzina dikenakan setengah harga.

Fasal 14 : Jika seseorang itu dituduh dan dia menyangkal tuduhan itu bila ditanya oleh ḥākim dan tiada saksi ketika itu, maka dikenakan qānūn.

Ḥukum Allāh Ta'ālā disuruh bersumpah dengan nama Allāh. Jikalau didapati bersalah, maka ḥukumnya ialah denda atau ditimpa bencana.

Jika yang membuat tuduhan itu mengambil isteri orang, maka yang si menuduh itu dibunuh. Jikalau tidak dibunuh, dia didenda sepuluh tahil *sapah*. Dalam pada itu, sepatutnya menolong orang yang teraniaya lebih baik daripada menerima ḥukuman mati.

Ḥākim menjalankan ḥukum Allāh Ta'ālā dengan menyuruh dia bertaubaṯ atau bersumpah dengan nama Allāh untuk memastikan sama ada dia bersalah atau tidak.

Fasal 15 : Ḥukum Allāh pada benda yang dipinjam hendaklah kekal seperti mana *'ain*nya.

Apabila seorang sahaya perempuan dipinjam kemudian dia disetubuhi oleh yang meminjam, maka apabila diketahui oleh tuannya dan didapati tiada dara lagi maka si peminjam akan didenda sepuluh emas, kain sehelai dan juga sehelai baju.

Jikalau janda didenda lima belas emas juga sahaja. Itulah ḥukum anak negeri, anak sungai dan anak dusun.

Fasal 16 : Yang diharuskan mendapat *fuḍūlī* ialah orang yang membunuh madu kerana lemah, ṣaḥābaṯ yang baik dan berṣifaṯ benar dan orang yang teraniaya yang tidak sampai kepada pengetahuan raja atau menteri atau kepada pembesar-pembesar atau dia budak tidak tahu berkata-kata atau tidak dapat melawan atau banyak lawan. *Fuḍūlī* pada menolong ṣaḥābaṯ, jika didapati dia tiada lemah pada segala perkara yang dikata, maka dia tidak mendapat *fuḍūlī* atas sebarang tindakan yang dibuat oleh orang itu.

Fasal 18 : Ḥukum angkara terbahagi kepada dua. Pertama bagi yang bermaharajalela. Kedua angkara seperti meminang tunangan orang.

Apabila seseorang itu meminang tunangan orang dengan diketahui oleh ibu bapanya dan tunangannya, maka tunangnya memberitahu ḥākim. Ḥākim kemudiannya memanggil kedua ibu bapa tersebut. Jikalau ḥākim mendapati ibu bapa tersebut menyukai pinangan baru itu, maka ḥukumnya ialah disuruh kembalikan segala hantaran dan pemberi yang telah diterima kepada tunang yang pertama itu, dan orang yang meminang itu didenda 10 tahil *sapah.*

Jika peminang kedua itu tidak tahu akan keadaan perempuan itu sudah bertunang, maka dia tidak dikenakan denda.

Fasal 20 : Jika seseorang itu meminta buah yang masak di atas pokok, tetapi tuan punya pokok itu tidak mahu menjual dan tidak mahu mengerti, maka pokok itu ditebang oleh orang itu, maka ia didenda dengan membayar suku daripada harga pokok itu.

Seseorang yang menduduki sesebuah dusun yang disangkanya tidak bertuan, buah-buahan di dusun itu dimakannya dan dijualnya, orang itu akan didakwa oleh tuan yang empunya dusun itu.

Tanah mati ialah tanah yang tidak dipunyai oleh sesiapa dan tidak ada tanda-tanda yang tanah itu dipunyai, maka jika tanah mati itu dimajukan seperti dibuat dusun atau huma, maka tidak ada pendakwaan, kerana ia adalah tanah mati.

Tanah hidup ialah tanah kepunyaan orang atau ada tanda-tanda tanah itu dipunyai orang. Tanah hidup itu jika dicerobohi oleh orang dengan orang mendirikan rumah di atasnya atau digunakan untuk berhuma, maka penceroboh itu didakwa dan didenda 10 emas. Jika penceroboh itu berbuat dusun, maka ḥaṣilnya hendaklah dibahagi dua, satu pertiga untuk tuan tanah dan dua pertiga untuk orang yang empunya tanaman itu.

Fasal 25 : Walī bagi perempuan yang akan kahwin itu ialah bapa, nenek dan saudara laki-laki. Bagi anak dara tiada syarat bertanya *riḍa*nya, tetapi bertanya itu sunat ḥukumnya. Adapun perempuan yang sudah menjadi balu tidak boleh dikahwinkan kecuali dengan izinnya kerana izinnya itu syarat bagi ṣaḥ kahwinnya itu. Adapun perempuan balu yang kecil iaitu yang belum baligh, tidaklah ṣaḥ perkahwinannya, kecuali sesudah balu yang kecil itu menjadi bāligh dan dengan izinnya.

Ḥukum qānūn selanjutnya membicarakan kedudukan walī iaitu walī mujbir, walī aqrab dan walī ḥākim. Selanjutnya ia adalah mengenai dengan ījab dan qabūl serta perkara-perkara lain di dalam ḥukum nikāh dan perceraian.

Fasal 26 : Sekurang-kurangnya saksi perkahwinan iaitu dua orang. Jikalau kurang daripada itu, nescaya tidak ṣaḥ perkahwinan itu.

Tidak ṣaḥ saksi *fāsiq*, 'abdi dan perempuan yang ḥāid dan ḥāmil.

Fasal 27 : Saksi pada perkahwinan sekurang-kurangnya empat orang, jikalau tiada, dua orang dibolehkan.

Fasal 28 : Menyatakan ḥukum *khiyyār* bagi lelaki mahupun perempuan adalah merujuk kepada lima perkara 'aīb iaitu gila, *juzam*, *baras*, *ratkun* dan *qur'an*. Jika tiada orang memberitahu lelaki yang berkahwin akan *khiyyār* itu, apabila dia masuk ke rumah perempuan dan dilihatnya perempuan itu baras, maka putuslah perkahwinan itu. Lelaki itu tidak sekali-kali dikenakan fasakh. Demikian juga ḥalnya apabila seorang perempuan berkahwin dengan seorang lelaki yang tidak diberi tahu baras 'aibnya, maka apabila masuk ke rumah perempuan dan perempuan mendapati 'aīb itu, maka perempuan memberitahu ḥākim dan terurailah perkahwinan itu. Fasakh pernikahan juga berlaku jika didapati *kabir*, *juzam*, *ratkun* dan lemah zakarnya.

Jika orang yang lemah zakarnya diberi tempoh untuk berubat selama setahun tetapi tidak sembuh juga, maka ḥākim akan memfasakhkan pernikaḥan itu.

Jika orang yang *baras*, *juzam* dan gila itu, jikalau reḍa pernikaḥan perempuan dengan lelaki itu atau lelaki dengan perempuan itu, maka tidak terjadi fasakh perkahwinan kerana kereḍaan antara mereka dan tiada lagi *khīyyār*.

Jikalau difasakhkan perkahwinan itu, perempuan memberikan mas kahwinnya kepada lelaki dan begitu juga dengan lelaki terhadap perempuan itu kerana lelaki itu mendapati *'aīb* pada perempuan, maka diberinya mas kahwin kepada perempuan itu.

Fasal 29 : Ṭalāq *Bāin* ialah ṭalāq tiga yang tiada peluang untuk kembali bersama isteri, melainkan dengan perkahwinan baru. Manakala ṭalāq *Raj'ī* ialah ṭalāq satu atau dua yang boleh dirujuk dalam tempoh *eddah*nya.

Fasal 31 : Tidak ṣaḥ ḥukum berniaga bagi orang yang gila, dan tidak ṣaḥ berniaga melainkan dengan orang yang berjual beli seperti katanya "benda ini" maka yang berkata "benda itu" dan dihulur benda itu kepadanya.

Tidak harus berniaga barangan seperti tuak, anjing, babi dan segala benda yang ḥarām.

Fasal 33 : Orang yang menyandar pada hutang diḥukum membayar separuh daripada hutang itu jika barang sandaran itu didapati hilang. Ini kerana barang sandaran itu merupakan satu amānaṯ kepadanya.

Fasal 36 : Jika seseorang itu menerima amānaṯ, hendaklah dia memelihara amānaṯ itu, dan jika diguna dengan izin tuannya tetapi berlaku kerosakan di tangannya, maka hendaklah dia menggantikannya.

Fasal 37 : Bersumpah kerana hak Allāh seperti mereka yang minum tuak dan zinā. Allāh akan mengabulkan permintaan seseorang itu jika dia kembali dan iqrārnya menjadi tidak ṣaḥ jika belum bāligh, orang gila dan iqrār yang digagahinya.

Fasal 38 : Orang yang murtad itu apabila disuruh bertaubaṯ sebanyak 3 kali hendaklah dia bertaubaṯ dan jika dia ingkar, maka hendaklah dibunuhnya. Jangan mandikan dia, jangan sembahyangkan dia dan jangan ditanamkan pada qubūr Islām.

Fasal 39 : Saksi boleh diterima sekiranya Islām, bāligh, 'āqil, 'ādil, menjauhi dosa besar dan kecil dan berkelakuan baik.

LAMPIRAN 3.2.1 (b): Sambungan

| | | |
|---|---|---|
| Fasal 40 | : | Jika menuntut pada orang yang tanpa kehaḍiran saksi, tuntutan itu bātal.<br><br>Jika saksi didapati berdusta, ḥākim akan mengenakan *ta'dhīr* iaitu ditulis di mukanya dan dikelilingkan ke serata pekan dengan tujuan untuk memberi pengajaran dan memalukannya.<br><br>Ḥākim diḥaramkan menerima hadiah orang kerana ditakuti ḥākim itu tidak berlaku jujur sehingga mempengaruhinya memberi kemenangan kepada pemberi hadiah. |
| Fasal 41 | : | Apabila seseorang yang akal baligh membunuh seorang Islām lelaki atau perempuan kecil atau besar secara sengaja, tidak berdosa seperti seorang anak yang kafir harus dibunuh oleh bapanya.<br><br>Jika Yahūdī membunuh Naṣrānī atau Kāfir Majūsī, pembunuh itu diḥukum bunuh sekalipun pembunuh itu menjadi orang Islām. |
| Fasal 42 | : | Zinā *Muḥṣīn* hukumnya ialah direjam dan dilontar dengan batu sehingga mati. Sekiranya *ghāyr Muḥṣīn*, dipukul 100 rotan dan dibuangkan ke luar negeri selama setahun. |
| Fasal 43 | : | Apabila memaki seseorang yang mungkar tanpa bersaksi, maka dideranya sebanyak 28 kali orang yang dimaki itu.<br><br>Jika yang dimaki itu hamba orang, dipukul sebanyak 40 pukulan, apabila orang kāfir atau abdi akan di*ta'dhir*kan oleh ḥākim. |
| Fasal 44 | : | Jika minum tuak, arak dan barang yang memabukkan, hamba 'abdi akan dikenakan pukulan sebanyak 44 pukulan. Jika didapati menderhaka, dipukul sebanyak 50 pukulan.<br><br>Cara mensabitkan kesalahan ini ialah dengan iqrār atau dengan dua orang saksi.<br><br>Seseorang yang didapati mulutnya berbau tuak tidaklah dapat disabitkan sebagai satu kesalahan. |

Faṣal-faṣal yang tersenarai menjelaskan Undang-undang Melayu yang berunsurkan Islām yang terdapat dalam *Ḥukum Qānūn Brunei*.
*Sumber*: Pengiran Ḥj. Moḥammad Bin Pengiran Ḥj. Abdul Raḥman, 1992: 183-196.

LAMPIRAN 3.2.2 (a)

| BULAN | TARIKH | PERAYAAN DAN PERISTIWA |
|---|---|---|
| Muharram | 1 hb.<br><br>10 hb. | *Awal Muharram* diadakan bacaan doa' di masjid atau surau bagi meraikan tahun baru dan dimohon dipanjangkan usia.<br>*Hari 'Āsyurā'* digalakkan berpuasa sunat dan juga mengadakan kenduri bagi mengingati hari gugurnya sāydinā Ḥasan dan Ḥussein di Karbalā'. |
| Ṣafar | Hari Rabu akhir bulan Rabī' al-Ākhīr | *Hari tolak bala* bagi anak-anak yang lahir di bulan ini yang berkelakuan jahat, dibawa ke tepi laut atau sungai untuk dimandikan agar hilang semua ṣifat jahat. |
| Rabī' al-Awwal<br>Rabī' al-Ākhīr<br>Jamād al-Awwal<br>Jamād al-Ākhīr | 12 hb. | *Māūlud Nabī* diadakan di masjid atau surau. Tiap-tiap rumah di sesebuah kampung digalakkan membawa makanan. Apabila selesai sesi ceramah agama, acara berzanji dan berdhikir, mereka akan makan bersama-sama. |
| Rajab | 27 hb. | *Isrā' Mi'rāj* diadakan di masjid atau di madrasah dengan membaca kitāb Isrā' Mi'rāj Nabī Muḥammad s.a.w., di samping mendengar syarahan dan juga ceramah keagamaan. |
| Sya'bān | 15 hb.<br><br>Akhir bulan | *Niṣfu Sya'bān* iaitu diturunkan al-Qur'ān ke langit dunia.<br>*Menyambut Puasa* dan diḥaramkan berpuasa sunat atau ganti. |
| Ramaḍān | 1 hb. | *Puasa* iaitu digalakkan menunaikan solat terawikh sepanjang malam bulan Ramaḍān dan memperbanyakkan melakukan amalan-amalan sunat. |

LAMPIRAN 3.2.2 (a): Sambungan

| | | |
|---|---|---|
| | 17 hb.<br><br>27 hb.<br>10 hb. hari terakhir | *Nuzūl al-Qur'ān* iaitu malam turunnya al-Qur'ān kepada Rasūl Allāh s.a.w.<br>*Malam Tujuh Likur.*<br>*Lāīlat al-Qadr* ialah kelebihan yang hanya diberi kepada mereka yang terpilih oleh Allāh s.w.t. sahaja dan diampunkan segala dosanya. |
| Syawwāl | 1 hb. | *Hari Raya 'Aīd al-Fiṭrī* iaitu tamat berpuasa dan menikmati dengan juadah dan kunjung-mengunjungi sesama Islām sambil memohon kemaafan. |
| Dhū al-Qa'edah | —— | —— |
| Dhū al-Hijjah | 10 hb.<br><br><br>Akhir bulan | *Hari Raya 'Aīd al Aḍhā* iaitu sempena mengingati saydinā Ismā'īl yang hampir dijadikan qurbān oleh bapanya. Disunatkan melakukan qurbān dan mengadakan kenduri.<br>*Akhir tahun* iaitu tamat kalendar Islām. Diiringi dengan doa penutup akhir tahun yang dibacakan di surau atau di masjid. |

Jadual menunjukkan perayaan-perayaan Melayu Islām dan peristiwa di dalam Islām yang terdapat di dalam Kalendar Islām.

LAMPIRAN 3.2.2 (b)



Gambar menunjukkan lafaẓ *ījāb* dan *qabūl* antara walī perempuan dan pengantin lelaki.



Bahagian Pertama (Hadapan)



Bahagian Kedua (Belakang)



Bahagian Ketiga (Kanan)



Bahagian Keempat (Kiri)

Gambar menunjukkan *Batu Bersurat Terengganu* ditulis dengan menggunakan tulisan jawi.
*Sumber* : Omar bin Awang, 1980, vol 25: 56-59.

٣٤٥

اينله جزؤ يڠ ڤرتام درفد كتاب يڠ برنام

# فروع المسائل

ترجمه مولانا الشيخ داود بن عبدالله فطاني أصل نݢري بن
دان شافعي مذهبڽ يڠ ساڠت عالم لاڬي فاضل دان دائم نݢري
مكة المشرفة لاڬي بيرانڠ باڽق منترجمهكن كتاب درفد
بهاس عرب كفد بهاس ملايو رحمه الله تعالى ونفعنا به
وبركات علومه آمين

(فريڠاتن) فد منجيتاككن اين كالي اد تمبهكن فد تفي كتاب
( كشف الغمة ) فد منياتاكن كأدأن أورڠ ماتي دان حال
هاري قيامة ياءيت كارڠن العالم العلامة الشيخ داود بن عبدالله
الفطاني رحمه الله تعالى

كتهوي اوليهمو بهوسڽ اداله فد خطبة كتاب اين اختلاف انتارا
دوا نسخة مك تله كامي فيليهكن يڠ برلبيه ايلوق فد نسخة اين

## الجزء الأول

مكتبة ومطبعة سليمان مرعي
سڠافورا

42786

مَنْ يُرِدِ اللهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِى الدِّينِ

بسم الله الرحمن الرحيم

وبه نستعين (كملاي) ترجمه اين دغن نما الله توهن يغ أمت موره لاك أمت مغسيهاني (الحمد لله خالق الاشياء على غير مثال * فاتح أبواب المقال) سكل فوج بك الله توهن يغ منجديكن بك سكل فركارا اتس كتيدانڽ بند يڠن لاك توهن يغ ممبوكا كن بك بيراف بڽق فركتاڽ (مانح أسباب النوال * ملهم جواب السؤال) لاك توهن يغ ممبري بك بيراف بڽق فبرين لاك يغ ملهما مكن جواب بك سؤال (أحمده سبحانه على جميع الاحوال * وأتوب اليه وأستغفره فى البكور والآصال) اكو مموج اكندى سبحانه أتس سكلين كلا كوان دان اكو توبة كفداڽ دان اكو منتا اكندى أمفون فدفاكي ٢ دان فد فتغ ٢ (وأشهد أن لا اله الا الله وحده لا شريك له الكبير المتعال) دان اكو نايك شكسي بهوسن تياد توهن مليڠكن الله حال كلاكتن تڠكل فد كرجاانڽ تياد يغ ميڠتوي بكن يغ أمت كبسرانڽ لاك يغ أمت كتڠكينڽ (وأشهد أن سيدنا محمدا عبده ورسوله الجامع لصفات الكمال والجمال والجلال) دان اكو نايك شكسي بهوسن فغهولو كامي محمد ﷺ ايت همباڽ دان رسولڽ يغ مهمفونكن أكن بك سكل صفات كمال يعني كسمفرناءن دان جمال يعني كايلقكن دان جلال يعني كبسرانڽ (ﷺ وعلى آله وأصحابه صلاة وسلاما دائمين على مر الايام والليالي) تله ممبري الله تعالى اكن رحمة دان سلام اتسڽ دان اتس سكل كلوارڬاڽ دان سكل صحابتڽ اكن سا كي صلاة دان سلام يغ بركخالن كدواڽ أتس بركخالن سكل هاري دان مالم (وبعد فهذا كتاب منة القدير سنة ألف ومائتين وأربع وخمسين من الهجرة النبوية على صاحبها أفضل الصلاة والسلام) دان أداڤون
١٢٥٤
كمدين درايت ملڠكن كال اداله فد تاهن سريب دوراتس ليم فوله امفت درڤد هجرة نبي عليه الصلاة والسلام (هاج قلبي وبال فكري أن ألقط كم مقولات كالدرر والجواهر * وجواهر كاللآلي منظومة فى سلك العبائر * وكم فروع نفيسة شرعية * كثيرة الفوائد المرضية من الكتابين المطلبين فتاوى شمس الملة والدين * عمدة الفقهاء والمحققين * العلامة الشيخ الرملي

بسم الله الرحمن الرحيم (وبه نستعين) دغن نما الله توهن يغ أمت موره لاك أمت مغسيهاني اكو مولاي كتاب اين (الحمد لله العلي الأعلى * الولي المولى * الذي خلق وأحيا وحكم بالموت والفنا) سكل فوج بك الله توهن يغ مهتڠڬي لاك يغ ترلبه تڠڬي ددالم كتڠڬينڽ لاك يغ ممرنتهكن لاك يغ منولغ توهن يغ منجديكن مخلوق دان مهيدوفكندي دان محكمكن اتس مخلوق دغن مات دان فنا (والبعث الى دار الجزاء والفصل والقضاء * ليجزى كل نفس بما تسعى) دان مڠمفكن درفد قبورڽ كفد نڬري بالسن دان منجريكن سؤورغ دغن سؤورغ دان دحكمكن أنتارا مريكئت سفاي دبالسن اكن تيف ٢ سؤورغ ايت دغن برڠيغ دكرجاكن ددالم دنيا (وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له شهادة عبد عرف أنه الى ربه صائر وراجع * ومحاسب على كل عمل صوفيه مخادع) دان اكو نايك شكسي بهوسن تياد توهن مليڠكن الله يغ اس أي تياد سكتو بݢين ملكوه

سبا كي شكسي همبا يڠ
مفنهوي بهوسن كفد
توهن لاك اكن كمبالي
دان باليك كفداڽ دان
دحسابكن أتس تيف ٢
عمل يڠ أي ددالمڽ منفودايا
اكن دڤرين (واشهد أن
سيدنا محمدا عبده ورسوله
الذي أنزل عليه في كتابه
المكنون ❊ انك ميت
وانهم ميتون) دان اكو
نايك شكسي بهوسن
فڠهول كيت نبي محمد ايت
همبان دان فسورهن يڠ
دڤورنكن أتسن ددالم
كتابڽ يڠ ترفليهارا فرماڽ
بهوسن اڠكو يا محمد ماتي
دان بهوس سكل مريكئت
ماتي جوا (اللهم فصل
وسلم عليه وعلى سائر
الأنبياء والمرسلين ❊ وعلى
آلهم وصحبهم أجمعين ❊
كلما ذكرك الذاكرون ❊
وغفل عن ذكرك
الغافلون) مي توهنكو
ملك تمباهي أولهم رحمة
دان سجهترا كن أولهم
آتسن دان أتس سكل
أنبياء دان سكل مرسلين
دان أتس سكل كاوم كلوارݢا
مريكئت دان سكل صحابة
مريكئت سكليڽ سلاما
ميبتكن ديكوأوله سكل
أورڠ يڠ ميبت دان سلاما
لوڤا اكنديكو سكل
أورڠ يڠ لوڤا (وبعد فلما



الرملي وكتاب كشف اللثام ❊ عن أسئلة الأنام ❊ للعلامة المحقق من المتأخرين حسين بن محمد المحلي
رحمهما الله تعالى) بركرة له هاتيكو دان چندرڠله فكيركو بهوا اكو هندق فوڠوت اكن بيرأڤ
سؤال يڠ سڤرة منتيار دان سڤرة منيكم دان بيرأڤ جواب يڠ سڤرة منيار ايت سد نظمكندي فدنالي
سكل عبارة دان بيرأڤ فروع يڠ اندە ٢ فد بچارا حكم فروع شرعية لاك يڠ بايق سكر فائدهن يڠ
مرضيا اكو فوڠوت درفد دوا كتاب يڠ بسر كدواڽ فتاوى بڬ شمس الملة والدين فكاغن بڬ
فقهاء دان سكل محققين شيخ يڠ علامه محمد الرملي دان كتاب كشف اللثام عن أسئلة الأنام بڬ شيخ
يڠ علامه لاڬ محقق سڤه درفد أورڠ متأخرين شيخ حسين انق محمد المحلي رحمهما الله تعالى (فأخذت
من كل منهما المسائل التي يحتاج اليها المتعلمون وعوام المؤمنين ❊ وسميته فروع المسائل ❊ وأصول
الوسائل) ماك اكو أمبل درفد تيف ٢ درفد كدواڽ اكن بيرأڤ مسئله يڠ بركهندق كفداڽ
اورڠ متعلمين دان عوام المؤمنين دان اكونما اكن ترجمه اين فروع المسائل دان أصول الوسائل
(وأرجو الله أن يجعله نافعا لي وللمسلمين ❊ وذخيرة لي يوم الدين) دان اكو هارف اكن الله بهو
دجاديكنڽ اكندي ممبري منفعة بكيكو دان بڬ مسلمين دان فتاروهن بكيكو فد هاري آخرة (ولا
حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم وهو حسبي ونعم الوكيل آمين) دان تياد دايا كوفد منجاوهكن معصية
دان تياد قوة بكيكو بڬ مغرجاكن سوره مليكن دڠن الله توهن يڠ مها تيڠݢي لاك مها بسر دان
اياله توهن يڠ ممداي بكيكو دان اي سباي ٢ وكيل آمين

## ﴿ فصل في مسائل تتعلق بأصول الدين ﴾

اين سوات فصل فدمپتاكن بيرأڤ مسئله يڠ برڬنتڠ دڠن أصول الدين (سئل رضي الله عنه) دتپا
أورڠ رضي الله عنه درفد فرمان الله تعالى (والله خلقكم وما تعملون) برمول منجاديكن كامو
دان منجاديكن برڠ يڠ فربواتن كامو اداكه كلور سوات يڠ بوكن فربواتن الله درفد فركتاتن
دان فربواتن دان اداكه دكتا أورڠ دكتا ايت مخلوق بڬ أورڠ دكتا أتو المخلوق بڬ الله كارن
فرمان الله تعالى (والله خالق كل شيء) برمول الله منجاديكن تيف ٢ سوات دان اداكه أورڠ يڠ
بركتا بهوسڽ دكتا ايت مخلوق بڬ الله ترساله أتو تياد (مك جوابڽ) بهوسڽ سكل فربواتن همبا
ايت مخلوق بڬ الله تعالى لاك موجود اياد دڠن دجاديكن كندي تياد يڠ منجاديكن بڬ كدواڽ ايت
مليكن الله دان اياله يڠ مقدراكن (دمكينلاك) سكلين حيوانات مخلوق يڠ دجادي الله اكندي
خلاف بڬ كتا معتزله سكيرا ٢ بركات مريكئت بهوسن همبا ايت أي منجاديكن أفعال ديريڽ
دان تياد فرأسهاڽ الله فداڽ (دمكينلاك) أفعال يڠ كلور درفد فربواتن همبا سڤرة برݢرق چنچن
مڠيكوت اي كرق جري ايت مخلوق دڠن دجاديكندي الله تعالى تياد دڠن فربواتن همبا دان تياد
دڠن اسهاڽ خلاف بڬ جمهور معتزله (دان تيف ٢) طاعة ايت جادي دڠن ارادة الله دان مشيئة الله
دان قضاڽ دان قدرڽ دان دكاسهن دان رضاڽ دان دسورهڽ (دان سكل معصية) دان كفر دڠن
ارادتڽ دان قضاڽ دان قدرڽ دان دبنچيڽ دان دمركاڽ تياد دسورهڽ دان تياد دكاسهن دان
تياد درضاڽ (دان سكل فركارا) يڠ جاهت ٢ دان يڠ لوات ٢ ايت دان بچكو أدله أي سكليڽ
ايت مخلوق بڬ الله مك جاڠن دسندر كندي كفد الله كارن منتوت أدب مك جاڠن دكتاكن
بهوسن سكل يڠ قبيح دان شرور دان كفر ايت دڠن كهندق الله سڤرة تياد دكتاكن اياڽ
منجاديكن يڠ لوات ٢ دان كرا دان باي دان جاڠن دسندر بڬ سات نما الله درفد سكل نما
كفداڽ دان تياد دكتاكن الله توهن يڠ خالق بڬ سكل يڠ موجودات تياد سات يڠ موجود ايت

زوجه ايت ياٴيت لئه دان منبفريغ (٣٦٤) بايك ٢ (دان اداله) مجاهد بركات اى فد فرمان الله تعالى ﴿على سرر

﴿ كتاب العتق ﴾ اللهم اعتق رقابنا من النار ﴾

اين سوات كتاب فد مپتاكن مرديهكا ( فائدة ) اداله نبي ﷺ مرديهكاكن سبهاي انم فوله تيك اورغ دان هيدف عمرڽ فون دمكين جوادان ستى عائشة رضي الله عنها مرديهكاكن سبهاي انم فوله سمبيلن سهيا دان عمرڽ دمكين جوادان مرديهكا عبدالله ابن عمر رضي الله عنه سريب سهيا دان مرديهكا حكيم بن حزام سراتس سهيادا كيكن طوق فد ليهرڽ درفد فيرق دان مرديهكا اوله ذوالكراع الحميري فد سات هاري دولافن ريب دان مرديهكاكن سهيا سيدنا عبدالرحمن بن عوف تيك فوله ريب سهيا رضي الله عنهم اجمعين (مسئلة رضي الله عنه) لف حكمن جك مرديهكا سيدا كن سهيانٴ اتو بيراف سهيا سمبو يكن درفد كتهوي اكندى دان ستياس دوتق برخدمة مريكئت بكين (ملك دجوابن) اداله دسبوره سفرتمپ فد حال بوكن دڠن رضاڽ درفد دوس كباٴر دسبة فهزواجر بلك شيخ ابن حجر دان ادا كه ثابت بك مريكئت ارفهن اتو تياد كات شيخ ابن حجر جك دسورهڽ اكن مريكئت واجب اجرة بك مريكئت دان جك برخدمة مريكئت دڠن سنديرڽ ملك تياد بك مريكئت اجرهن دان يغ افر بڽ ملك اي تاهو دڠن مرديهكا دڽرى مريكئت ملك تياد اجرهن دان دسورهٴ اوله فقهاٴ سكليفون كارن مريكئت منولغ اكن فقهاٴ دان جك تياد دكتهوي مريكئت دڠن مرديهكاڽ سيب دسمبونيكن بك مريكئت ملك مريكئت ملك مريكئت اجرهن اداباله اتو تياد (مسئلة رضي الله عنه) ادا كه صح مرديهكا درفد بوكن مكلف درفد كانق ٢ دان كيلا دان مكروه دان محجور عليه بفلس اتو سفيه دان مبعض دان مكاتب (ملك دجوابن) تياد صح مرديهكا درفد سكل اورغ ترسبة ايت سكليڽ ملينكن فداكراه فد دان تفصيل جك اكراه دڠن حق سفرة اي ممبالي دڠن شرط اي مرديهكاكن يعني دشرط اوله بايع اكندى سوره مرديهكا كنديڽ صح اكرلهن لاك لولس (مسئلة رضي الله عنه) جك بركات اكو مرديهكا سهيا كوستاهن (ملك دجوابن) لولس مرديهكان دان افا كتان ستاهن ايت برسلاهن جك بركات وقف كفدغ كوستاهن ملك بهوسڽ تياد صح رجعن دان سوقفا وقف يڠ لايڽ ملك تياد صح دان صح كن فد مرديهكا سبب ساغت براهن شرع كفد دان (مسئلة رضي الله عنه) جك بركات اكو مرديهكا اكن سهيا كودڠن شرط خيار اتو اهندق رجوع اتوا شرط جك رضي سيانو اتوا اكو هندق جوال كتيك اكو كهندق (ملك دجوابن) ملك قول يڠ راجح لولس مرديهكا دان لفا بتكل شرطڽ كارن مرديهكا تياد دسبري بكس ملك سكل شرطڽ فاسد برسلاهن فد وقف دان يڠ لفان (مسئلة رضي الله عنه) جك بركات سورغ بك سهيان لاك ٢ ياولدى دان تياد دقصد دڠن يڠ دمكين ايت هندق ململيت كنديڽ دان تياد فول نية هندق فرديهكا اكنديڽ ملك ادا كه جدي مرديهكا اتس اتو اتياد (ملك دجوابن) دڠن بهوسڽ تياد جدي مرديهكا اتس دڠن يڠ دمكين كارن بهوسڽ دفاكي فد عادة كارن هندق ململيت كنديڽ دان بايك دو بف برسما ٢ برسلاهن رڤيغ افيل نداٴ تڠ لفظ ولدى دڠن تياد حرف نداء فد حال تياد قصدڽ دان اداله لفظ ولدى لفظ كناية (مسئلة رضي الله عنه) ادا كه لولس مرديهكا درفد اورڠ سكران دان اورڠ كافر جك او كافر حربي (ملك دجوابن) لولس مرديهكاڽ درفد سكران دان كافر جك حربي سكليفون دان ثابت ولاء دا اتس فرديهكاڽ يڠ مسلم سهيا ادايڠ مرديهكاكنديڽ ايت مسلم اتو كافر كدين ماسق اسلام (مسئلة رضي الله عنه) افبيل اي تعليق اي اكن مرديهكا اتس سوات صفة (ملك دجوابن) تياد بوله لاك توان يڠ متعليقكن مرديهكا دڠن صفة ايت هندق رجوع دڠن فركتاٴن يعني دڠن كتان دان

مقابلين ﴾ مريكئت دا اتس سكل سرير مريكئت برهدف هداڤن تياد ملبهت مريكئت اكن بلا كڠ سقتهن حال كادانڽ كاران برهبوڠ ٢ دان بركاسه ٢ هن كتاٴن كارن بيراف سرير ايت بركليڠ دڠن مريكئت بتاڤ كهندق مريكئت كتاٴن علماء بهوس جلهن درفد برهداف ٢ فن ايت بهوس منتاٴورغ مريكئت يڠ كاٴنڽ برهدف اكن منتاٴ ودرانڽ كاٴن سفرة عندغ سٴورغ اكن موكاٴڽ فد خيرمن عكس برغيغ ددالم دنيا والله اعلم والحمد لله رب العالمين

﴿ باب ماجاء في اطفال المسلمين والمشركين ﴾ اين سوات باب فد مپتاكن برغيغ داتڠ فد كانق ٢ مسلمين دان مشركين ( رواية ) حكيم ترمذى فد نوادر الاصول دان ابن عبدالبر دان يڠ لاين درفد كدواڽ درفد علي رضي الله عنه فد تفسير فرمان الله تعالى ﴿ كل نفس رهينة الا اصحاب اليمين ﴾ تيف ٢ سٴورغ ايت دڠن برغيغ داسهاڽ تركادي دالينكن اورغ اصحاب اليمين كات مريكئت اطفال مسلمين تياد دسورة اكن اسها مريكئت كارن تياد براٴسها مريكئت كات عبدالبر دان جمهور

دان

Gambar menunjukkan Kitāb Agama *Furu' al-Masā'il* oleh Syeīkh Dāwūd bin 'Abd Allāh al-Faṭānī yang merupakan naskhah cetakan Sulāymān Mar'ī tanpa tarikh yang ditulis dengan menggunakan tulisan jawi.

LAMPIRAN 3.2.6 (a) (i)



Masjid Kampung Laut merupakan masjid yang tertua di Kelantan yang berusia kira-kira 400 tahun. Ia terletak di tapak asal di Kampung Laut, Tumpat yang dibina tanpa menggunakan sebarang paku.



Masjid Kampung Laut yang dibina semula seperti bentuk asalnya yang musnah akibat dilanda ombak di Nilam Puri, Kelantan pada tahun 1967.

Gambar di atas menunjukkan seni bina Melayu Islām pada tiang dan juga bumbung Masjid Kampung Laut yang terdiri daripada tiga tingkat.
*Sumber*: Muzium Islām Kelantan.

LAMPIRAN 3.2.6 (a) (ii)



Gambar di atas menunjukkan seni bina Melayu Islām pada tiang dan bumbung Masjid Agung, Demak yang terdiri daripada tiga tingkat yang menyerupai masjid Kampung Laut, Kelantan.
*Sumber* : Zakaria Ali, 1994: 281.



(a) Mimbar.



(b) Kolah atau tempat mengambil air sembahyang.



(c) Tiang.

Gambar di atas menunjukkan seni bina Melayu Islām dengan tekapan bunga emas pada mimbar, kolah dan tiang Masjid Kampung Keling, Melaka.



(a) Dinding bahagian bawah.



(b) Tempat sembahyang bahagian luar.

Gambar di atas menunjukkan ukiran Melayu Islām berbentuk relung yang terdapat di Masjid Kampung Keling, Melaka.



Ukiran di bahagian atas tingkap yang terdapat di Masjid Kampung Hulu, Melaka.



Ukiran di bahagian atas pintu yang terdapat di Masjid Kampung Keling, Melaka yang ditekap dengan emas di atasnya.

Gambar di atas menunjukkan ukiran seni Melayu Islām berbentuk tembus dengan bermotifkan dedaun yang terdapat di Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling, Melaka.

LAMPIRAN 3.2.6 (b) (i)



Gambar di atas menunjukkan seni khat Melayu Islām pada pintu bahagian tengah yang terdapat di Masjid Kampung Hulu, Melaka.

LAMPIRAN 3.2.6 (b) (ii)





Gambar di atas menunjukkan ukiran seni khat ayat-ayat al-Qur'ān yang terdapat pada kayu hiasan di rumah Melayu Islām.

LAMPIRAN 3.2.6 (b) (iii)



(a) Dulang.



(b) Piala.



(c) Mata wang syiling kesultanan Melaka iaitu pada masa pemerintahan Sultān Muzaffar Syāh (1445-1459) dan Sultān Mansūr Syāh (1459-1477) yang dipetik daripada Zakaria Ali, 1994: 131-132.

Gambar di atas menunjukkan ukiran seni khat Melayu Islām pada barangan logam dalam pelbagai bentuk.

LAMPIRAN 3.2.6 (c) (i)



(a) Mereka sedang asyik menghayati seni lagu *berdah*.




(b) Sebuah kitāb yang digunakan untuk menjayakan seni lagu *berdah*.

Gambar di atas menunjukkan seni lagu Melayu Islām iaitu *berdah* yang dilagukan dengan menggunakan seni kata yang terdapat dalam sebuah kitāb *berdah*.

LAMPIRAN 3.3 (a)

# SOAL SELIDIK

Kajian ini adalah berkaitan dengan "**Konsep 'Ilmu dalam Peradaban Islām di 'Ālam Melayu**". Justeru itu, adalah sangat-sangat diharapkan agar anda memberi respons setepat mungkin untuk menjayakan kajian ini. Terima kasih.

**Soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian:**

Bahagian 1 : Maklumat latar belakang responden
Bahagian 2 : Maklum balas nilai

## BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG RESPONDEN

1. Nyatakan umur anda:
   a) 13-17
   b) 18-24
   c) 25-31
   d) 32-42
   e) 43-55
   f) 56 ke atas

2. Nyatakan jantina anda:
   a) Lelaki
   b) Perempuan

3. Nyatakan status anda:
   a) Bujang
   b) Berkahwin
   c) Janda / Duda

4. Nyatakan pencapaian tertinggi pendidikan anda:
   a) Sekolah Rendah
   b) Sekolah Menengah
   c) Diploma
   d) Ijazah
   e) Sarjana, Kedoktoran
   f) Lain-lain (Sila nyatakan) ..............................................

5. Aliran pendidikan sekolah anda:
   a) Sekolah Rendah atau Menengah Biasa
   b) Sekolah Rendah atau Menengah Agama
   c) Sekolah Vokasional atau Sekolah Teknik
   d) Sekolah Sains
   e) Lain-lain (Sila nyatakan) ..............................................

6. Aliran pendidikan tinggi anda: (Jika berkenaan)
   a) Aliran Sains
   b) Aliran Sains Sosial
   c) Aliran Agama
   d) Lain-lain (Sila nyatakan) ..............................................

7. Pelajaran apakah yang anda minati:
   a) Pelajaran agama
   b) Pelajaran akademik
   c) Pelajaran agama dan akademik

**BAHAGIAN 2 : MAKLUM BALAS NILAI**

1. ʻIlmu menurut pandangan anda:
   a) Keintelektualan individu
   b) Berpandukan kepada bahan-bahan bacaan
   c) Berpandukan kepada pengalaman individu

2. ʻIlmu menurut Islām adalah:
   a) Pengetahuan duniāwī
   b) Pengetahuan ukhrawī
   c) Kesepaduan antara pengetahuan duniāwī dan ukhrawī

3. Pada pandangan anda, definisi yang paling tepat bagi ʻilmu ialah:
   a) Pengetahuan yang diperolehi melalui pengalaman
   b) Pengetahuan yang diperolehi secara spontan
   c) Pemahaman insān terhadap sesuatu objek, ia dapat berinteraksi dengan objek tersebut dan ia mendapat keputusan yang sempurna

LAMPIRAN 3.3 (a): Sambungan

4. Melibatkan diri dalam ‘ilmu termasuklah :
   a) Melakukan sesuatu yang berbentuk farḍu Kifāyah
   b) Melakukan sesuatu yang berbentuk farḍu ‘Aīn
   c) Melakukan sesuatu yang berbentuk farḍu Kifāyah dan farḍu ‘Aīn

5. Apakah kepentingan anda mencari ‘ilmu:
   a) Untuk mendapatkan status tinggi dalam pekerjaan
   b) Untuk beriman, beramal, dan bertaqwa
   c) Untuk bersaing dengan masyarakat dalam pencapaian tertinggi pendidikan

6. Dari manakah anda mendapat sumber ‘ilmu:
   a) Perpustakaan
   b) Membeli bahan-bahan bacaan
   c) Membeli bahan-bahan bacaan dan mengunjungi tempat-tempat keilmuan

7. Bagaimanakah cara yang terbaik untuk mendapatkan ‘ilmu:
   a) Membaca, bertanya, memahami dan mempraktikkan
   b) Belajar, menghadapi peperiksaan dan berjaya ke menara gading
   c) Melalui pembacaan dan mendampingi guru-guru

8. Setakat manakah anda berminat untuk mencari ‘ilmu :
   a) Hingga mendapat segulung ijazah
   b) Hingga tamat zaman persekolahan
   c) Apabila keluangan masa sahaja
   d) Setiap waktu yang berkesempatan

9. Apakah yang anda lakukan di masa terluang:
   a) Membaca bahan-bahan ‘ilmiah
   b) Menonton / mendengar radio dan membaca komik
   c) Bersiar-siar atau berceloteh dengan ṣaḥābaṯ handai

10. Apakah maksud sekularisme :
   a) Pemisahan ‘ilmu dengan agama
   b) Fahaman Barat yang tidak sesuai dengan Islām
   c) Mengejar kemewahan duniāwī, kebendaan
   d) Amalan di luar Islām seperti terjadi dalam zaman sekarang
   e) Tidak tahu / Lain-lain

11. Pada pendapat anda, adakah masyarakat Melayu hari ini mempraktikkan 'ilmu peradaban Islām yang mereka perolehi :
    a) Ya
    b) Tidak
    c) Sebilangan kecil sahaja
    d) Sebilangan besar

12. Pada pandangan anda, mengapakah remaja sekarang berhadapan dengan gejala sosiobudaya?
    ..........................................................................................
    ..........................................................................................
    ..........................................................................................

13. Apakah cabaran-cabaran yang anda hadapi bagi mendapatkan 'ilmu pada hari ini?
    ..........................................................................................
    ..........................................................................................
    ..........................................................................................
    ..........................................................................................

    Berikan cadangan pada jawapan anda.
    ..........................................................................................
    ..........................................................................................
    ..........................................................................................
    ..........................................................................................

14. Apakah strategi anda untuk mengekalkan dan menghayati 'ilmu peradaban Islām?
    ..........................................................................................
    ..........................................................................................
    ..........................................................................................
    ..........................................................................................